

<b>Headline</b>	<b>FRIM hasilkan biodiesel daripada sumber bukan makanan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Harian Ekspres (KK)</b>		
<b>Date</b>	<b>26 Oct 2011</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Ekonomi</b>	<b>Circulation</b>	<b>29,826</b>
<b>Page No</b>	<b>8</b>	<b>Readership</b>	<b>97,836</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>61 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 126</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 377</b>



## FRIM hasilkan biodiesel daripada sumber bukan makanan

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berjaya menghasilkan biodiesel daripada sumber-sumber alternatif yang bukan berasaskan makanan seperti minyak jarak pagar, bin-tagor laut, perah serta bahan buangan industri.

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata rancangan jangka pendek di peringkat FRIM ialah untuk menggunakan biodiesel adunan B5 untuk kenderaan berenjin diesel.

"Dianggarkan sebanyak 120,000 liter adunan biodiesel B5 akan digunakan setahun di FRIM.

"Ini akan menyumbang kepada penjimatatan hampir 6,000 liter diesel fosil dan pengurangan kadar pembebasan karbon dioksida (CO2) sebanyak empat peratus atau 16,000 tan CO2 setahun," kata beliau kepada pemberita selepas majlis Pelancaran Penggunaan Biodiesel Peringkat FRIM, di sini pada Selasa.

Abd Latif berkata satu liter penggunaan minyak diesel akan membebaskan 2.67 kilogram CO2 ke atmosfera bumi.

"Biodiesel keluaran FRIM mengandungi asid lemak yang rendah berbanding biodiesel daripada minyak kelapa sawit yang mempunyai kandungan asid lemak yang agak tinggi, maksudnya jumlah CO2 yang terlepas jauh lebih rendah berbanding biodiesel minyak kelapa sawit, tambahan pula hasil pembakaran biodiesel keluaran FRIM ini mengeluarkan bau yang wangi" katanya. — Bernama